

Penyata Kewangan

- Laporan Pengarah 62
- Kenyataan oleh Para Pengarah 66
- Akuan Berkanun 66
- Laporan Juruaudit 67
- Penyata Pendapatan 68
- Lembaran Imbangan 69
- Penyata Perubahan dalam Ekuiti 70
- Penyata Aliran Tunai 71
- Nota-nota kepada Penyata Kewangan 73

Laporan Pengarah

bagi tahun berakhir 30 September 2001

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 30 September 2001.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan. Syarikat-syarikat subsidiari terlibat terutamanya dalam bidang pengilangan dan penjualan bekas kaca, minuman ringan dan barang tenuus. Sepanjang tahun kewangan, tiada perubahan ketara berlaku ke atas aktiviti-aktiviti tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun	75,137	33,494
Keuntungan tersimpan dibawa ke hadapan	89,367	55,169
Keuntungan boleh diagihkan	164,504	88,663
Dividen		
Dividen akhir tambahan kesan daripada penukaran waran	(4,826)	(4,826)
Dividen interim 4% yang dikecualikan cukai	(14,260)	(14,260)
Keuntungan tersimpan dihantar ke hadapan	145,418	69,577

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat dan Kumpulan di sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan pada tahun ini selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan lepas adalah seperti berikut:

- i) Seperti yang dicadangkan dalam laporan yang lepas, dividen akhir sebanyak 7%, ditolak cukai berjumlah RM13,141,153 bagi tahun kewangan sebelumnya telah dibayar pada 27 Mac 2001;
- ii) Bayaran tambahan sebanyak RM4,826,099 bagi waran yang ditukarkan kepada saham biasa yang layak mendapat pembayaran dividen yang diluluskan pada 27 Februari 2001; dan
- iii) Dividen interim yang dikecualikan cukai sebanyak 4% berjumlah RM14,259,724 bagi tahun kewangan semasa telah dibayar pada 21 Ogos 2001.

Para Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 5 sen berjumlah RM17,824,655 untuk diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

PARA PENGARAH

Para Pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas terdiri daripada:

Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Perlis Syed Badarudin Jamalullail

ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

Tan Sri Dato' Dr. Lin See Yan

Dato' Fong Weng Phak

Encik Ian Alastair MacLean

Encik Tan Yam Pin

Dr. Radzuan bin A Rahman

Encik Lee Kong Yip

Puan Zaida Khalida binti Shaari

(Dilantik pada 5.4.2001)

Encik Leslie Oswin Struys

(Dilantik pada 24.5.2001)

Encik Tan Ang Meng

(Dilantik pada 24.5.2001)

Dato' Dr. Yahya bin Ismail

(Meletak jawatan pada 27.2.2001)

Puan Kartini binti Hj Abdul Manaf

(Meletak jawatan pada 5.4.2001)

Encik Lai Seck Khui

(Meletak jawatan pada 24.5.2001)

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 30 September 2001

PARA PENGARAH (samb)

Pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, para Pengarah berikut bersara dan, oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:

- Y.A.M. Tengku Syed Badarudin Jamalullail, Encik Ian Alastair MacLean dan Dr. Radzuan bin A. Rahman berhubung dengan Tataurusan 97 dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat; dan
- Puan Zaida Khalida binti Shaari, Encik Leslie Oswin Struys dan Encik Tan Ang Meng berhubung dengan Tataurusan 103 dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

Sama ada pada akhir tahun kewangan ini atau pada sebarang masa sepanjang tahun kewangan ini, tidak terdapat sebarang urusan di mana Syarikat sebagai satu pihak, yang membolehkan para Pengarah memperolehi faedah melalui pemilikan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain, kecuali kelayakan mereka untuk melanggar saham baru sebagai pemegang waran bagi opsyen yang diberi di bawah Syarikat dan di bawah Skim Opsyen Saham Eksekutif syarikat induk.

Para Pengarah berikut yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan menurut daftar yang perlu disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat 1965, mempunyai kepentingan dalam saham, opsyen saham dan/atau waran Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitannya, seperti yang dinyatakan di bawah:

Syarikat yang mana Pengarah memiliki kepentingan	Bilangan saham/ opsyen saham/waran			
	Pada 1/10/00/*	Dibeli/ Diperuntukkan	Luput/ Dilaksana	Pada 30/9/01
Y.A.M. Tengku Syed Badarudin Jamalullail Fraser & Neave Holdings Bhd				
- Saham biasa	2,862,000	75,000	-	2,937,000
- Waran Baru 2001	2,357,795	-	(2,357,795)	-
Ian Alastair MacLean Fraser and Neave Limited				
- Saham biasa	154,081	50,000	(50,000)	154,081
- Opsyen saham	521,100	110,000	(158,000)	473,100
Asia Pacific Breweries Ltd				
- Saham biasa	624	-	-	624
Centrepoin Properties Ltd				
- Saham biasa	9,387	-	-	9,387
- Waran 2000	2,000	-	(2,000)	-
Tan Yam Pin Fraser and Neave Limited				
- Saham biasa	163,691	-	-	163,691
- Opsyen saham	645,150	135,000	(135,000)	645,150
Leslie Oswin Struys Fraser and Neave Limited				
- Saham biasa	10,150*	-	-	10,150
Fraser & Neave Holdings Bhd				
- Saham biasa	20,000*	-	-	20,000
- Opsyen saham	58,050*	-	-	58,050
Tan Ang Meng Fraser and Neave Limited				
- Saham biasa	14,000*	-	-	14,000
Asia Pacific Breweries Ltd				
- Opsyen saham	264,380*	-	-	264,380

* Pada tarikh perlantikan

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 30 September 2001

PARA PENGARAH (samb)

Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, tiada Pengarah telah menerima atau menjadi layak untuk menerima sebarang faedah (selain daripada faedah yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau tamat tempoh dan akan diterima oleh para Pengarah seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Kumpulan atau gaji tetap sebagai kakitangan sepenuh masa Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang ada kaitan dengan sebarang Pengarah atau dengan sebuah firma yang Pengarah berkenaan merupakan ahli atau syarikat yang Pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan besar yang perlu dinyatakan menurut Seksyen 169(8) Akta Syarikat 1965.

MODAL SAHAM

Pada tahun kewangan ini, modal saham terbitan dan berbayar Syarikat telah ditambah daripada RM260,737,172 kepada RM356,493,101 melalui penerbitan 95,755,879 saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham diterbitkan pada harga RM3.28 sesaham dan 50 saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham diterbitkan pada harga RM7.30 sesaham berikut penukaran waran.

OPSYEN DIBERI KE ATAS SAHAM DAN DEBENTUR YANG BELUM DITERBITKAN

Waran 2001 dan Waran Baru 2001

Pada tahun ini, 50 Waran 2001 dan 95,755,879 Waran Baru 2001 telah ditukarkan kepada saham biasa baru. Baki waran yang belum dilaksanakan telah tamat tempoh pada 20 Februari 2001.

Tiada opsyen lain telah diberi kepada sesiapa untuk mengambil pemilikan saham atau debentur Syarikat yang belum diterbitkan selain daripada yang disebutkan di atas.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING PADA TAHUNINI

- (a) Pada 27 Februari 2001, pengumuman telah dibuat bahawa sejumlah 95,755,929 waran telah ditukarkan kepada 95,755,929 saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham. Penukaran ini telah menghasilkan jumlah kutipan sebanyak RM314,079,648, sebahagian daripadanya digunakan untuk membayar semula Bon Tidak Bergaransi 0.75% bernilai RM250,000,000 yang matang pada 20 Mei 2001.
- (b) Pada 8 Ogos 2001, pengumuman telah dibuat bahawa syarikat subsidiari milik penuhnya, Malaya Glass Products Sdn Bhd ("MGP") telah memeterai satu Perjanjian Usahasama dengan Kumpulan Tuopai dari Republik Rakyat Cina ("RRC") untuk membina sebuah loji perkilangan bekas kaca di Wilayah Sichuan, RRC. Syarikat usahasama ini, Sichuan Malaya Glass Co Ltd akan dimiliki oleh MGP sebanyak 60%. Sumbangan ekuiti daripada MGP adalah sebanyak USD\$10.08 juta atau RM38.3 juta dan akan dibiayai melalui pinjaman. Loji ini dijangka akan memulakan operasi dari bulan Oktober 2002.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan pelupusan hutang lapuk dan peruntukan bagi hutang rugu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
- (ii) untuk memastikan bahawa mana-mana harta semasa yang tidak berkemungkinan merealisasikan nilai seperti yang dinyatakan dalam rekod perakaunan dalam urusniaga biasa telah diturunkan nilai kepada satu jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan:

- (i) yang boleh menyebabkan jumlah pelupusan hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang rugu dalam Syarikat dan Kumpulan tidak mencukupi dengan ketara; atau
- (ii) yang boleh menyebabkan nilai harta semasa dalam penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan mengelirukan; atau
- (iii) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan terhadap kaedah penilaian harta atau tanggungan semasa Syarikat dan Kumpulan mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (iv) yang tidak diuruskan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan yang boleh menyebabkan jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan dan penyata kewangan yang disatukan mengelirukan.

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 30 September 2001

MAKLUMAT BERKANUN LAIN (samb)

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (i) sebarang cagaran ke atas harta Syarikat atau Kumpulan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang disandarkan kepada tanggungan sebarang pihak; atau
- (ii) sebarang tanggungan luar jangka berhubung dengan Syarikat atau Kumpulan yang timbul sejak akhir tahun kewangan lalu.

Pada pendapat para Pengarah:

- (i) tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain yang berkuatkuasa atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjelaskan kemampuan Syarikat atau Kumpulan untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya kelak;
- (ii) tiada perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa telah berlaku sepanjang tempoh antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjelaskan dengan ketara hasil operasi Syarikat atau Kumpulan bagi tahun semasa laporan ini disediakan; dan
- (iii) tiada kontrak penting Syarikat atau Kumpulan dimeterai yang melibatkan sebarang para pengarah dan pemegang saham utama selain daripada yang diyatakan dalam penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Perlis Syed Badarudin Jamalullail
ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

Pengarah

Tan Ang Meng

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
7 November 2001

Kenyataan oleh Para Pengarah

menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, Y.A.M. Tengku Syed Badarudin Jamalullail dan Tan Ang Meng, dua orang daripada para Pengarah Fraser & Neave Holdings Bhd, dengan ini memaklumkan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 68 hingga 84 telah disusun menurut piawaian perakaunan diterima pakai yang diluluskan di Malaysia, untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan pada 30 September 2001 dan keputusan perniagaan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Perlis Syed Badarudin Jamalullail
ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail
Pengarah

Tan Ang Meng
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
7 November 2001

Akuan Berkanun

menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, Tony Lee Cheow Fui, sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Fraser & Neave Holdings Bhd, dengan sesungguh dan sebenarnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 68 hingga 84, pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sepenuh kepercayaan akan kebenarannya dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya)
oleh penama di atas Tony Lee Cheow Fui) **Tony Lee Cheow Fui**
di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
pada 7 November 2001)

Di hadapan saya,
Pesuruhjaya Sumpah
Barathan A/L Sinniah @ Chinniah (No. W202)

Laporan Juruaudit

kepada ahli-ahli Fraser & Neave Holdings Bhd

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 68 hingga 84. Penyata kewangan adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyuarakan pendapat kami mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit yang kami lakukan.

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan menjalankan audit untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut adalah bebas daripada sebarang salah nyata yang ketara. Sesebuah audit meliputi pemeriksaan, beraskan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pembentangan dalam penyata kewangan. Sesebuah audit juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah serta penilaian keseluruhan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan. Kami yakin bahawa audit kami memberi asas yang wajar bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan ini telah disediakan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan diterima pakai yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - (i) kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan pada 30 September 2001 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat dan Kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 untuk dimasukkan ke dalam penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan.
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang diaudit oleh kami telah disimpan menurut peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuashati bahawa penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit tentang penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak termasuk sebarang teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta Syarikat 1965.

Ernst & Young: AF 0039
Akauntan Bertauliah

Thomas Arundel Andrew Scott 1060/03/02 (J/PH)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
7 November 2001

Penyata Pendapatan

bagi tahun berakhir 30 September 2001

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
HASIL	1(l)	1,541,253	1,366,517	29,300	41,028
KOS JUALAN		(1,146,098)	(1,010,587)	—	—
KEUNTUNGAN KASAR		395,155	355,930	29,300	41,028
PERBELANJAAN OPERASI					
Perbelanjaan pengedaran		(141,123)	(140,526)	—	—
Perbelanjaan pemasaran		(64,236)	(57,330)	—	—
Perbelanjaan pentadbiran		(72,684)	(60,484)	(1,792)	(1,545)
Perbelanjaan operasi lain		(8,132)	(9,268)	—	—
		(286,175)	(267,608)	(1,792)	(1,545)
KEUNTUNGAN OPERASI	2	108,980	88,322	27,508	39,483
Perkara terkecuali	2	(6,053)	(4,038)	—	—
Kos pembiayaan bersih	3	635	(11,465)	8,287	209
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI		103,562	72,819	35,795	39,692
Cukai	5	(19,461)	(10,456)	(2,301)	(9,353)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI		84,101	62,363	33,494	30,339
Kepentingan minoriti		(8,964)	(5,957)	—	—
KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TAHUN		75,137	56,406	33,494	30,339
Pendapatan asas/cair sesaham (sen)	6	23.6	25.6		
Dividen sesaham (sen)	20	4.0	3.6		
Interim		—	5.0		
Akhir					

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lembaran Imbangan

pada 30 September 2001

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Modal saham	356,493	260,737	356,493	260,737
Rizab	566,230	291,856	425,464	192,733
Ekuiti pemegang saham	922,723	552,593	781,957	453,470
Kepentingan minoriti	56,793	53,661	—	—
	979,516	606,254	781,957	453,470
DIWAKILI OLEH				
Hartanah, loji dan peralatan	705,056	744,658	—	—
Syarikat-syarikat subsidiari	—	—	695,988	649,584
Pelaburan lain	22,254	22,254	22,250	22,250
Perbelanjaan tertunda	—	454	—	450
HARTA SEMASA				
Barangniaga	270,594	215,705	—	—
Perdagangan akan diterima	248,209	244,688	—	—
Penerimaan lain	29,520	31,977	21,270	23,088
Jumlah di hutang oleh syarikat-syarikat berkaitan	15,741	12,961	—	—
Deposit tetap	103,181	73,197	43,700	21,824
Tunai dan baki bank	52,954	47,477	614	4,029
	720,199	626,005	65,584	48,941
TANGGUNGAN SEMASA				
Perdagangan akan dibayar	115,956	115,836	—	—
Pembayaran lain	145,105	131,947	1,121	4,327
Jumlah hutang kepada syarikat induk	—	65,294	—	—
Jumlah hutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	1,610	4,518	—	—
Pinjaman	128,094	385,961	—	250,000
Peruntukan cukai	9,201	15,029	744	287
Dividen dicadangkan	—	13,141	—	13,141
	399,966	731,726	1,865	267,755
HARTA/(TANGGUNGAN) SEMASA BERSIH	320,233	(105,721)	63,719	(218,814)
TANGGUNGAN TERTUNDA				
Peruntukan bagi ganjaran persaraan	39,716	36,720	—	—
Cukai tertunda	28,311	18,671	—	—
	(68,027)	(55,391)	—	—
	979,516	606,254	781,957	453,470

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Ekuiti

bagi tahun berakhir 30 September 2001

	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab modal RM'000	Rizab daripada penyatuuan RM'000	Keuntungan tersimpan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan							
Pada 1 Oktober 1999		173,824	11,139	2,497	61,888	55,122	304,470
Terbitan Hak, selepas perbelanjaan		86,912	110,526	—	—	—	197,438
Langganan Waran Baru 2001		—	—	15,897	—	—	15,897
Penukaran Waran Baru 2001		1	2	—	—	—	3
Pindahan menurut Tataurusan 30 Undang-undang Pelaburan Asing Vietnam		—	—	(367)	—	367	—
Timbul daripada pengambilalihan syarikat subsidiari		—	—	—	907	—	907
Keuntungan bersih bagi tahun		—	—	—	—	56,406	56,406
Dividen	20	—	—	—	—	(22,528)	(22,528)
Pada 30 September 2000		260,737	121,667	18,027	62,795	89,367	552,593
Penukaran Waran Baru 2001		95,756	218,323	—	—	—	314,079
Keuntungan bersih bagi tahun		—	—	—	—	75,137	75,137
Dividen	20	—	—	—	—	(19,086)	(19,086)
Pada 30 September 2001		356,493	339,990	18,027	62,795	145,418	922,723

	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab modal RM'000	Keuntungan tersimpan RM'000	Jumlah RM'000
Syarikat						
Pada 1 Oktober 1999		173,824	11,139	—	47,358	232,321
Terbitan hak, selepas perbelanjaan		86,912	110,526	—	—	197,438
Langganan Waran Baru 2001		—	—	15,897	—	15,897
Penukaran Waran Baru 2001		1	2	—	—	3
Keuntungan bersih bagi tahun		—	—	—	30,339	30,339
Dividen	20	—	—	—	(22,528)	(22,528)
Pada 30 September 2000		260,737	121,667	15,897	55,169	453,470
Penukaran Waran Baru 2001		95,756	218,323	—	—	314,079
Keuntungan bersih bagi tahun		—	—	—	33,494	33,494
Dividen	20	—	—	—	(19,086)	(19,086)
Pada 30 September 2001		356,493	339,990	15,897	69,577	781,957

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 30 September 2001

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi					
Keuntungan sebelum cukai		103,562	72,819	35,795	39,692
Pelarasan bagi:					
Susutnilai		76,311	73,263	—	—
Keuntungan daripada jualan harta tanah, loji dan peralatan		(2,362)	(490)	—	—
Pelunasan perbelanjaan tertunda		454	1,162	450	675
Peruntukan bagi ganjaran persaraan		6,804	4,022	—	—
Peruntukan bagi pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		5,454	2,171	—	—
Peruntukan bagi hutang rugu		8,010	9,303	—	—
Peruntukan bagi barangniaga usang		4,714	2,465	—	—
Peruntukan bagi penutupan relau		—	1,536	—	—
Peruntukan bagi hutang rugu yang dicatat semula		—	(3,856)	—	—
Kos pembiayaan bersih	3	(635)	11,465	(8,287)	(209)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		202,312	173,860	27,958	40,158
(Penambahan)/Pengurangan barangniaga		(59,603)	32,494	—	—
(Penambahan)/Pengurangan dalam penerimaan		(9,074)	(32,993)	1,818	(17,846)
Penambahan/(Pengurangan) dalam pembayaran		9,558	33,323	(3,206)	2,332
Pengurangan dalam syarikat-syarikat berkaitan/subsidiari		(71,635)	(3,149)	(46,404)	(125,929)
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) operasi		71,558	203,535	(19,834)	(101,285)
Kos pembiayaan bersih	3	635	(11,465)	8,287	209
Cukai dibayar		(15,261)	(5,613)	(1,844)	(9,749)
Pembayaran ganjaran persaraan		(3,155)	(3,196)	—	—
Pembayaran perbelanjaan tertunda		—	(2)	—	—
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi		53,777	183,259	(13,391)	(110,825)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Kutipan daripada jualan harta tanah, loji dan peralatan		5,643	2,934	—	—
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(45,444)	(44,180)	—	—
Aliran tunai bersih daripada pengambilalihan syarikat subsidiari		—	(57,735)	—	(60,680)
Pelaburan lain		—	(13,462)	—	(13,462)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(39,801)	(112,443)	—	(74,142)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB)

bagi tahun berakhir 30 September 2001

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan				
Kutipan daripada terbitan hak selepas perbelanjaan	–	197,438	–	197,438
Kutipan daripada langganan waran	–	15,897	–	15,897
Kutipan daripada penukaran waran	314,079	3	314,079	3
Pinjaman jangka pendek	(7,867)	(232,186)	–	–
Pembayaran bon	(250,000)	–	(250,000)	–
Pembayaran dividen	(32,227)	(13,142)	(32,227)	(13,142)
Pembayaran dividen kepada pemegang saham minoriti oleh syarikat-syarikat subsidiari	(2,500)	(5,060)	–	–
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	21,485	(37,050)	31,852	200,196
Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	35,461	33,766	18,461	15,229
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	120,674	86,908	25,853	10,624
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	156,135	120,674	44,314	25,853
Tunai dan bersamaan tunai pada tahun ini meliputi:				
Deposit tetap	103,181	73,197	43,700	21,824
Tunai dan baki bank	52,954	47,477	614	4,029
	156,135	120,674	44,314	25,853

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

30 September 2001

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Konvensyen perakaunan

Penyata kewangan ini disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, diubahsuai melalui penilaian semula hartaanah, loji dan peralatan tertentu, dan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan diterima pakai yang diluluskan di Malaysia.

(b) Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga 30 September 2001. Semua baki dan urusniaga penting antara syarikat dihapuskan di peringkat Kumpulan. Muhibah atau rizab daripada penyatuan mewakili perbezaan antara bayaran pembelian dan nilai saksama harta bersih syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih. Muhibah daripada penyatuan dihapuskan kira daripada rizab semasa penyatuan dan jumlah bersih dihantar ke hadapan.

Keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih atau dijual pada tahun ini dimasukkan atau dikecualikan dari tarikh pengambilalihan atau penjualan masing-masing, mengikut kesesuaian.

(c) Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian tolak susutnilai terkumpul. Kos hartaanah, loji dan peralatan meliputi harga pembelian dan sebarang kos langsung termasuk kos faedah yang dipermodalkan bagi membolehkan hartaanah, loji dan peralatan tersebut beroperasi. Perbelanjaan bagi penambahan, peningkatan dan pembaharuan dipermodalkan dan perbelanjaan bagi penyenggaraan dan pemberian dicaj kepada penyata pendapatan. Apabila hartaanah, loji dan peralatan dijual atau tidak digunakan, kos dan susutnilai terkumpul dipindah daripada penyata kewangan dan sebarang keuntungan atau kerugian daripada pelupusannya dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

Dalam hal hartaanah, loji dan peralatan dinilai semula, sebarang lebihan daripada penilaian semula tersebut dikreditkan kepada rizab penilaian semula hartaanah, loji dan peralatan. Pengurangan dalam nilai bawa bersih yang terbit daripada penilaian semula hartaanah, loji dan peralatan dicaj kepada penyata pendapatan hingga ia mengatasi sebarang lebihan yang dimiliki di dalam rizab penilaian semula hartaanah, loji dan peralatan berhubung dengan penilaian semula hartaanah, loji dan peralatan lepas yang setara dengannya.

Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskira kos atau penilaian hartaanah, loji dan peralatan berbanding jangka hayat bergunanya. Tiada susutnilai bagi tanah milik bebas dan modal kerja dalam pelaksanaan. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk menurunkan nilai hartaanah, loji dan peralatan berbanding jangka hayat berguna adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajakan	- tempoh pajakan (antara 12 hingga 99 tahun)
Bangunan	- 2% hingga 5%
Loji dan jentera	- 8% hingga 14%
Kenderaan bermotor	- 10% hingga 20%
Mesin postmix dan jualan	- 10%
Perabot, kelengkapan dan peralatan komputer	- 10% hingga 20%

(d) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos. Peruntukan bagi penyusutan nilai disediakan apabila para Pengarah berpendapat bahawa berlaku penurunan nilai yang berkekalan.

(e) Barangniaga

Barangniaga dinilai pada mana yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos barangniaga siap dan kerja dalam pelaksanaan termasuk bahan mentah, buruh dan bahagian overhead pengeluaran yang sesuai.

Acuan yang termasuk dalam barangniaga jualan, disusutnilaikan selepas tempoh tiga tahun dari tarikh ia mula digunakan untuk pengeluaran.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

30 September 2001

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb)

(e) Barangniaga (samb)

Barangniaga kejuruteraan dinilaiakan pada asas kos purata berwajaran tolak eluan yang bersesuaian bagi barang usang.

Barangniaga bekas meliputi bekas yang dimiliki dan yang dijangka berada di pasaran.

(f) Perdagangan akan diterima dan akaun akan diterima lain

Penerimaan dinilaiakan pada anggaran nilai yang boleh direalisasikan. Peruntukan khusus dibuat bagi hutang yang telah dikenalpasti sebagai lapuk atau meragukan. Di samping itu, peruntukan am dibuat untuk melindungi kemungkinan sebarang kerugian yang tidak dikenalpasti secara khusus.

(g) Peruntukan bagi ganjaran persaraan

Peruntukan bagi ganjaran persaraan dan perkhidmatan dibuat berasaskan syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui oleh kumpulan syarikat dengan kakitangan daripada pelbagai kategori.

Peruntukan ini mewakili jumlah nilai kini yang mungkin dibayar berhubung dengan perkhidmatan yang telah diberikan. Satu pengiraan aktuari bebas bagi peruntukan ini dilaksanakan setiap tiga tahun. Pengiraan dalaman peruntukan ini dilaksanakan setiap tahun mengikut asas yang sama seperti yang digunakan bagi pengiraan aktuari bebas. Berdasarkan penilaian aktuari bebas terkini yang dijalankan pada 30 September 2000, peruntukan bagi ganjaran persaraan dan perkhidmatan adalah mencukupi untuk memenuhi nilai aktuari ganjaran perlu dibayar yang ditetapkan.

(h) Matawang asing

Urusniaga matawang asing dicatat dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Semua harta dan tanggungan kewangan dalam matawang asing ditukar pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan. Perbezaan pertukaran diambilkira dalam penyata pendapatan.

Dari segi penyatuhan syarikat-syarikat subsidiari, harta dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan. Perkara dalam penyata pendapatan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran purata yang berkuatkuasa pada tahun tersebut. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran sedemikian dibawa ke rizab hasil.

(i) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah tanggungan, ke atas semua perbezaan masa penting yang timbul daripada pengendalian beberapa perkara tertentu bagi tujuan percukaian dan perakaunan. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan dibuat bagi cukai tertunda sekiranya terdapat bukti munasabah bahawa cukai tertunda berkenaan akan berterusan pada masa hadapan dan tiada tanda menunjukkan bahawa ia akan berbalik selepas itu.

Manfaat cukai tertunda hanya diiktiraf apabila wujud jangkaan berpatutan bahawa ia boleh direalisasikan dalam jangka masa yang singkat.

(j) Perbelanjaan tertunda

Perbelanjaan tertunda meliputi perbelanjaan awal, sebelum operasi dan terbitan bon. Perbelanjaan ini dihapuskan ke penyata pendapatan pada tahun tersebut.

(k) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai meliputi tunai di tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan mudah cair yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(l) Hasil dan pengiktirafan hasil

Kumpulan

Hasil meliputi nilai diinvois bersih daripada jualan minuman ringan, bekas kaca, dan barang tenusu. Hasil jualan diiktiraf apabila barang dihantar, selepas diskaun, eluan dan cukai tidak langsung yang berkaitan.

Syarikat

Hasil meliputi dividen daripada pelaburan. Dividen diiktiraf apabila diisyiharkan oleh syarikat-syarikat subsidiari.

(m) Kos pembiayaan bersih

Faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan mengikut asas nisbah masa dengan mengambilkira baki pokok tertunggak dan kadar yang sesuai. Semua faedah dan kos berkaitan dibelanjakan sebagai sebahagian daripada kos pembiayaan. Kos pembiayaan bersih meliputi faedah perlu dibayar ke atas pinjaman dan faedah akan diterima daripada dana yang dilaburkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

2. KEUNTUNGAN OPERASI

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Ia diperolehi selepas mengecaj:				
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	76,311	73,263	—	—
Peruntukan bagi hutang ragu	8,010	9,303	—	—
Peruntukan bagi ganjaran persaraan	6,804	4,022	—	—
Pelunasan perbelanjaan tertunda	454	1,162	450	675
Sewa premis	3,856	2,559	—	—
Sewa peralatan	3,080	3,031	—	—
Royalti	17,031	16,659	—	—
Imbuhan para Pengarah				
– Yuran	660	655	414	417
– Emolumen lain	1,240	1,131	—	—
Imbuhan juruaudit				
– Audit	436	352	25	25
– Bukan audit	39	—	—	—
Peruntukan bagi penutupan relau	—	1,536	—	—
Peruntukan bagi barangniaga usang	4,714	2,465	—	—
Peruntukan bagi pelupusan barangniaga	3,766	3,935	—	—
Peruntukan bagi pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	5,454	2,171	—	—
Perkara terkecuali (Nota a)	6,053	4,038	—	—
Kos kakitangan	178,387	166,197	—	—
Dan mengkredit:				
Pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat subsidiari	—	—	29,300	41,028
Keuntungan daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan	195	490	—	—
Peruntukan bagi hutang ragu yang dicatat semula	—	3,856	—	—
Sewa premis	321	—	—	—

(a) Perkara-perkara terkecuali dianalisis seperti berikut:

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Peruntukan bagi kos pemberhentian	—	4,755
Penutupan loji	5,966	—
Pelupusan lebihan barangniaga bekas	4,800	—
Jualan harta tanah	(2,167)	—
Peruntukan bagi perbelanjaan penutupan dicatat semula	(2,546)	—
Keuntungan atas lebihan penamatan kontrak hadapan matawang asing	—	(717)
	6,053	4,038

(b) Bilangan kakitangan Kumpulan termasuk para pengarah pada akhir tahun ini adalah 4,304 (2000: 4,135).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

2. KEUNTUNGAN OPERASI (samb)

(c) Agregat imbuhan para Pengarah Syarikat adalah seperti berikut:

	2001 RM'000	2000 RM'000
Pengarah Eksekutif		
– Yuran	9	1
– Emolumen	436	558
– Kewangan dalam bentuk faedah	41	25
Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif		
– Yuran	494	499

Bilangan pengarah Syarikat yang jumlah bayaran mereka termasuk dalam julat berikut:

	Bilangan Pengarah			
	2001 Pengarah eksekutif	2000 Pengarah bukan eksekutif	2001 Pengarah eksekutif	2000 Pengarah bukan eksekutif
Julat Imbuhan (RM)				
1 – 50,000	–	9	–	8
50,001 – 100,000	–	2	–	–
100,001 – 150,000	–	1	–	2
400,001 – 450,000	1	–	–	–
550,001 – 600,000	–	–	1	–

3. KOS PEMBIAYAAN BERSIH

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Faedah perlu dibayar				
Pinjaman bank	4,038	11,751	–	390
Bon	1,194	1,875	1,194	1,875
Lain-lain	763	562	–	–
	5,995	14,188	1,194	2,265
Tolak:				
Faedah akan diterima				
Deposit bank	(6,473)	(2,518)	(3,968)	(873)
Syarikat-syarikat subsidiari	–	–	(5,513)	(1,601)
Lain-lain	(157)	(205)	–	–
	(635)	11,465	(8,287)	(209)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

4. ANALISIS MENGIKUT SEGMENT

	Hasil RM'000	Keuntungan sebelum cukai RM'000	Jumlah harta RM'000
Menurut aktiviti			
2001			
Minuman ringan	737,020	48,821	455,092
Barangan tenuus	568,534	11,326	276,223
Kaca	235,169	34,793	294,375
Lain-lain	530	8,622	421,819
	1,541,253	103,562	1,447,509
2000			
Minuman Ringan	655,908	21,535	457,168
Barangan tenuus	501,519	26,012	239,458
Kaca	208,639	23,123	269,380
Lain-lain	451	2,149	427,365
	1,366,517	72,819	1,393,371
Menurut Lokasi Geografi			
2001			
Malaysia	1,493,240	92,917	1,359,329
Vietnam	48,013	10,645	88,180
	1,541,253	103,562	1,447,509
2000			
Malaysia	1,307,350	64,002	1,303,869
Vietnam	59,167	8,817	89,502
	1,366,517	72,819	1,393,371

5. CUKAI

	Kumpulan 2001 RM'000	Syarikat 2001 RM'000	Kumpulan 2000 RM'000	Syarikat 2000 RM'000
Berasaskan keputusan bagi tahun:				
Cukai semasa				
– Malaysia	8,617	11,665	2,301	9,353
– Asing	1,541	1,821	–	–
	10,158	13,486	2,301	9,353
Cukai tertunda	9,699	(2,341)	–	–
	19,857	11,145	2,301	9,353
Lebihan peruntukan pada tahun-tahun terdahulu	(396)	(689)	–	–
	19,461	10,456	2,301	9,353

Kadar cukai berkesan Kumpulan adalah lebih rendah daripada kadar berkanun disebabkan terutamanya oleh penggunaan kerugian terkumpul.

Kadar cukai berkesan Syarikat adalah lebih rendah disebabkan terutamanya oleh penerimaan dividen tertentu yang dikecualikan cukai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

6. PENDAPATAN SESAHAM

Pendapatan sesaham asas dan cair dikira dengan membahagikan keuntungan bersih yang disatukan bagi tahun ini sebanyak RM75.1 juta (2000: RM56.4 juta) dengan 318 juta (2000: 220 juta) bilangan purata berwajaran saham biasa berharga RM1.00 dalam terbitan pada tahun ini.

7. MODAL SAHAM

	Kumpulan dan Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Dibenarkan:		
500,000,000 saham biasa berharga RM1.00 sesaham	500,000	500,000

8. RIZAB

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Tidak boleh diagihkan:				
Premium saham	339,990	121,667	339,990	121,667
Rizab modal	2,130	2,130	—	—
Rizab daripada penyatuhan	62,795	62,795	—	—
	404,915	186,592	339,990	121,667
Boleh diagihkan:				
Rizab modal (Nota a)	15,897	15,897	15,897	15,897
Keuntungan tersimpan (Nota b)	145,418	89,367	69,577	55,169
	161,315	105,264	85,474	71,066
Jumlah rizab	566,230	291,856	425,464	192,733

- (a) Jumlah ini mewakili kutipan daripada penerbitan Waran Baru 2001 Syarikat kepada para pemegang waran berikutkan pengantian Waran 2001 dengan Waran Baru 2001.
- (b) Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan cukai dan kredit cukai Seksyen 108 di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mencukupi untuk mengagihkan jumlah sehingga RM55,792,000 daripada rizab hasilnya pada 30 September 2001 sebagai dividen.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah hakmilik bebas RM'000	Tanah pegangan pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Loji & jentera RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan Kos atau penilaian						
Pada awal tahun						
Tambahan	133,867	63,480	173,636	628,862	273,874	1,273,719
Pelupusan	–	–	484	26,509	18,451	45,444
Pengkelasan semula	(1,191)	–	(171)	(7,960)	(16,512)	(25,834)
Pada akhir tahun	132,676	63,480	176,140	659,499	261,534	1,293,329
Susutnilai terkumpul						
Pada awal tahun	–	8,591	23,147	360,642	136,681	529,061
Caj bagi tahun	–	1,504	4,114	44,605	26,088	76,311
Pelupusan	–	–	(28)	(7,603)	(14,922)	(22,553)
Pengkelasan semula	–	–	6	563	(569)	–
Peruntukan bagi pelupusan	–	–	167	4,350	937	5,454
Pada akhir tahun	–	10,095	27,406	402,557	148,215	588,273
Caj bagi 30 September 2000	–	1,431	4,356	43,194	24,282	73,263
Nilai buku bersih						
Pada 30 September 2001	132,676	53,385	148,734	256,942	113,319	705,056
Pada 30 September 2000	133,867	54,889	150,489	268,220	137,193	744,658

Tanah hakmilik bebas dan bangunan Kumpulan dinyatakan pada penilaian para Pengarah dan berdasarkan pendapat jurunilai profesional berdasarkan nilai pasaran terbuka harta tanah. Menurut peruntukan pindaan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atas penggunaan Piawaian Perakaunan Antarabangsa No. 16 (semakan semula) Hartanah, Loji dan Peralatan, penilaian harta tanah, loji dan peralatan ini tidak dikemaskini, dan terus dinyatakan pada nilai pegangan semasa tolak susutnilai.

Lain-lain terdiri daripada platform, mesin postmix dan jualan, kendaraan bermotor, perabot, kelengkapan dan peralatan komputer.

Semua harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos kecuali bagi tanah hakmilik bebas dan bangunan seperti yang dinyatakan di bawah:

	Kos RM'000	Penilaian 1983 RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan – 30/9/01			
Tanah hakmilik bebas	130,128	2,548	132,676
Bangunan	174,790	1,350	176,140
Kumpulan – 30/9/00			
Tanah hakmilik bebas	131,349	2,548	133,897
Bangunan	172,286	1,350	173,636

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

10. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Saham tidak tersiar harga pada kos	492,043	492,043
Jumlah di hutang oleh syarikat-syarikat subsidiari	204,055	207,323
Jumlah di hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	(110)	(49,782)
	695,988	649,584

Jumlah yang di hutang oleh/(kepada) syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, tidak mempunyai tempoh pembayaran semula yang tetap dan tidak dikenakan faedah kecuali bagi jumlah yang di hutang oleh syarikat-syarikat subsidiari sebanyak RM176,714,074 (2000: RM179,978,508) yang dikenakan dengan kadar faedah antara 2.95% hingga 3.20% (2000: 2.70% hingga 3.05%) setahun.

Butir-butir mengenai syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 24 kepada penyata kewangan.

11. PELABURAN LAIN

Ini mewakili pendahuluan berperingkat yang dibuat kepada sebuah syarikat bersekutu untuk memperolehi perakuan hak pembangunan komersial di KL Sentral.

12. PERBELANJAAN TERTUNDA

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Kos	12,410	12,410	4,919	4,919
Tolak: Pelunasan	(12,410)	(11,956)	(4,919)	(4,469)
	-	454	-	450

13. BARANGNIAGA

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Barangniaga dikilang	117,032	91,308
Bekas	33,432	46,348
Bahan mentah	81,037	47,768
Bahan pembungkusan	25,542	22,376
Barangniaga kejuruteraan dan lain-lain	47,731	50,739
	304,774	258,539
Tolak: Peruntukan bagi barangniaga usang	(34,180)	(42,834)
	270,594	215,705

14. PERDAGANGAN AKAN DITERIMA

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Perdagangan akan diterima	263,889	262,082
Tolak: Peruntukan bagi hutang ragu	(15,680)	(17,394)
	248,209	244,688

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

15. SYARIKAT INDUK DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN

Syarikat induk ialah Fraser and Neave Limited ("F&N Ltd"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Republik Singapura, yang juga merupakan syarikat induk muktamad. Syarikat-syarikat berkaitan dalam penyata kewangan ini merujuk kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan F&N Ltd. Jumlah dihitung oleh/(kepada) syarikat-syarikat berkaitan adalah berbentuk perdagangan dan tidak dikenakan faedah.

16. DEPOSIT TETAP

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Deposit tetap dengan:				
– Bank tempatan	83,508	52,935	43,700	21,824
– Bank asing	19,673	20,262	–	–
	103,181	73,197	43,700	21,824

17. PEMBAYARAN LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Perbelanjaan terakru	23,176	20,427	25	25
Deposit	26,113	23,219	–	–
Duti eksais dan cukai jualan perlu dibayar	5,995	6,177	–	–
Kos kakitangan perlu dibayar	17,144	22,080	–	–
Peruntukan bagi kos pemasaran	22,672	10,263	–	–
Dividen perlu dibayar	90	3,232	90	3,232
Akaun perlu dibayar lain	49,915	46,549	1,006	1,070
	145,105	131,947	1,121	4,327

18. PINJAMAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Perlu dibayar semula dalam tempoh satu tahun:				
Tidak bercagar	–	250,000	–	250,000
Bon 0.75% 1996 (Nota a)	128,094	135,961	–	–
Pinjaman lain (Nota b)				
	128,094	385,961	–	250,000

- (a) Bon 0.75% 1996 bernilai RM250,000,000 telah ditebus semula sepenuhnya pada tarikh matangnya 20 Mei 2001.
- (b) Pinjaman-pinjaman lain meliputi penerimaan jurubank dan kredit pusingan yang dikenakan faedah pada kadar antara 3.10% hingga 3.33% (2000: 3.20% hingga 6.75%) setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

19. CUKAI TERTUNDA

Cukai tertunda akibat daripada:

Lebihan nilai buku bersih berbanding nilai penurunan cukai:

- Hartanah, loji dan peralatan
- Barangniaga bekas

Peruntukan, perbelanjaan dan pendapatan dikenakan cukai pada tahun yang berbeza

Kesan cukai atas lebihan penilaian semula

Kerugian tidak digunakan dan elaun modal tidak diserap

		Kumpulan
2001	2000	
	RM'000	RM'000
52,101	43,774	
—	1,368	
(5,823)	(5,809)	
4,076	5,071	
(22,043)	(25,733)	
28,311	18,671	

20. DIVIDEN

2001

Dividen tambahan berhubung dengan penukaran waran kepada saham biasa

Dividen interim

		Kumpulan dan Syarikat
Sesaham bersih	Jumlah	
sen	RM'000	
5.0	4,826	
4.0	14,260	
		19,086

2000

Dividen interim

Dividen akhir dicadangkan

3.6	9,387
5.0	13,141
	22,528

Pada tahun kewangan lepas, dividen akhir telah diakru sebagai tanggungan apabila dicadangkan oleh para Pengarah. Kini, Kumpulan mematuhi Piawaian No. 19 Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang baru, berhubung dengan Peristiwa selepas Tarikh Kunci Kira-kira, untuk mengiktiraf dividen di dalam ekuiti para pemegang saham dalam tempoh apabila obligasi untuk membayar ditentukan.

Dividen akhir dikecualikan cukai yang dicadangkan sebanyak 5 sen sesaham berjumlah RM17,824,655 bagi tahun semasa hanya akan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila mendapat kelulusan daripada para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

21. PENGLIBATAN MODAL

Jumlah dilulus dan dikontrakkan
Jumlah dilulus tetapi tidak dikontrakkan

		Kumpulan	Syarikat
2001	2000	2001	2000
RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
112,985	68,757	65,538	65,538
5,036	13,555	—	—
118,021	82,312	65,538	65,538

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

22. PENGLIBATAN PAJAKAN

Baki sewa pajakan operasi tidak boleh dibatal yang perlu dibayar di bawah perjanjian sewa adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Jumlah perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	1,131	3,625
Jumlah perlu dibayar selepas 12 bulan	2,038	3,060
	3,169	6,685

23. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Syarikat-syarikat berkaitan				
Jualan kepada:				
Asia Pacific Brewery (S) Pte Ltd	16,306	13,412	-	-
F&N Foods Pte Ltd	61,414	53,503	-	-
Myanmar Brewery Ltd	5,688	2,273	-	-
SP Holdings Ltd	4,969	4,003	-	-
Lain-lain	834	1,502	-	-
Belian daripada:				
F&N Foods Pte Ltd	13,634	7,539	-	-
Interflavine Pte Ltd	63,528	19,374	-	-
F&N United Ltd	20,639	4,592	-	-
Lain-lain	59	62	-	-
Yuran pengurusan kepada:				
F&N (S) Pte Ltd	1,200	2,400	-	-
Lain-lain	65	-	-	-
Royalti kepada:				
F&N (S) Pte Ltd	15,373	14,422	-	-
F&N Foods Pte Ltd	1,312	790	-	-
Caj korporat kepada:				
F&N (S) Pte Ltd	1,516	-	-	-
Lain-lain	344	-	-	-
Syarikat-syarikat subsidiari				
Pendapatan faedah daripada:				
F&NCC Beverages Sdn Bhd	-	-	2,788	620
Premier Milk (Malaya) Sdn Berhad	-	-	1,425	144
Lain-lain	-	-	1,301	837

Urusniaga-urusniaga dengan pihak berkaitan ini berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan mengikut dasar komersial. Pada akhir tahun ini, baki belum dibayar adalah dalam tempoh kredit perdagangan biasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

30 September 2001

24. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI DAN BERSEKUTU

Butir-butir mengenai syarikat subsidiari dan bersekutu adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Negara Diperbadankan	Aktiviti Utama	Kepentingan Ekuiti Dipegang	
			2001 %	2000 %
Malaya Glass Products Sdn Bhd	Malaysia	Pengilangan dan penjualan bekas kaca	100	100
Kuala Lumpur Glass Manufacturers Company Sdn Bhd	Malaysia	Pengilangan dan penjualan bekas kaca	100	100
Malaya-Vietnam Glass Limited	Vietnam	Pengilangan dan penjualan bekas kaca	70	70
Fraser & Neave (Malaya) Sdn Bhd	Malaysia	Perkhidmatan pengurusan dan pegangan pelaburan hartanah	100	100
F&NCC Beverages Sdn Bhd	Malaysia	Pengilangan minuman ringan	90	90
F&N Coca-Cola (Malaysia) Sdn Bhd	Malaysia	Pengedaran minuman ringan	90	90
F&N Dairies (Malaysia) Sdn Bhd	Malaysia	Pengedaran barangang tenusu	100	100
Premier Milk (Malaya) Sdn Berhad	Malaysia	Pengilangan barangang tenusu	75	75
F&N Foods Sdn Bhd	Malaysia	Pengilangan barangang tenusu	100	100
Four Eights Sdn Bhd	Malaysia	Tidak aktif	100	100
Wimanis Sdn Bhd	Malaysia	Tidak aktif	100	100
Harmonic Fairway Sdn Bhd	Malaysia	Tidak aktif	25	25